

Rombongan pelaburan ke luar negara Kerajaan mahu laporan: Ghafar

Bahan asal dari Arkib/
Negara Malaysia

MELAKA: Mulai tahun ini rombongan pelaburan ke luar negara akan diminta mengemukakan laporan kepada kerajaan mengenai kejayaan sesebuah negara perindustrian yang dilawati, kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Menurutnya, kerajaan memerlukan laporan itu bagi mengkaji usaha negara berkenaan sehingga berjaya menjadi Negara Perindustrian Baru (NPB).

"Kerajaan juga akan menghantar lebih banyak rombongan pelaburan ke luar negara bagi tujuan itu," katanya selepas mendengar taklimat khas mengenai pembangunan negeri Melaka yang disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Zam Abd Wahab di Bilik Negara Negeri di sini semalam.

Mempelajari

Encik Ghafar berkata, jika selama ini rombongan pelaburan hanya membuat lawatan tanpa mengemukakan sebarang laporan, mereka kini dikehendaki mengemukakan laporan kepada kerajaan.

Bellau berkata anggota rombongan seperti itu juga dikehendaki mengadakan perjumpaan bagi membincang dan mengkaji hasil lawatan mereka.

"Kita boleh tiru atau mempelajari cara-cara negara perindustrian mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang," tegasnya.

Menurut Encik Ghafar, Malaysia juga sedang berusaha serta mampu menjadi sebuah negara NPB jika berusaha ber-sungguh-sungguh dalam melaksanakan pelbagai projek pembangunan.

Oleh NAZAR ABDUL

Dalam hubungan ini, bellau meminta ahli politik, pegawai kerajaan dan ahli perniagaan berganding bahu serta berusaha memberi sumbangan masing-masing untuk meningkatkan kemajuan negara ini.

Bellau berkata, mereka perlu sedar bahawa negara-negara lain juga sedang giat berusaha dalam pembangunan dan Malaysia juga tidak mahu ketinggalan.

"Oleh itu, sifat iri hati antara satu sama lain tidak harus wujud untuk memastikan projek pembangunan berjalan lancar demi faedah rakyat dan negara," katanya.

Mengenai pembangunan Melaka, Encik Ghafar mengemukakan bahawa peruntukan bagi projek kecil tahun ini ditambah daripada \$2.5 juta kepada \$3 juta bagi faedah penduduk luar bandar.

Encik Ghafar juga puas hati dengan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan di Melaka dan berharap usaha dapat dilipatgandakan bagi memastikan negeri ini mencapai kemajuan pesat.

Katanya, kawasan-kawasan tanah terbiar patut dimajukan sebagai kawasan perindustrian kerana lebih menguntungkan daripada kegiatan pertanian.

Bellau juga meminta jabatan-jabatan dan agensi kerajaan berkerjasama rapat dengan kerajaan negeri bagi memastikan projek pembangunan dapat dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan keperluan rakyat.